

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Malaysia Terengganu sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

**KESAN PELANCONGAN PENDIDIKAN KEPADA PERTUMBUHAN  
EKONOMI DAN PRODUKTIVITI UNIVERSITI SERTA PENENTU  
PERMINTAANNYA**

**SITI HAJAR BINTI HUSSEIN**

**2020**

**Penyelia Utama : Profesor Madya Suhail Kusairi, Ph.D.**

**Penyelia Bersama : Fathilah Ismail, Ph.D.**

**Fakulti : Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial**

Kepelbagaian produk dan perkhidmatan pelancongan adalah sangat penting bagi mengukuhkan sumbangan sektor pelancongan terhadap pertumbuhan ekonomi dan mengurangkan risiko ketidakmampuan bagi tempoh jangka panjang. Justeru, sektor pelancongan pendidikan telah dikenalpasti sebagai sub-sektor pelancongan baru yang berpotensi tinggi untuk dibangunkan dan dijangka meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan produktiviti universiti. Walaubagaimanapun, bukti empirikal masih tidak jelas berkenaan kesan pelancongan pendidikan kepada pertumbuhan ekonomi dan produktiviti universiti serta penentu permintaannya. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis kesan pelancongan pendidikan dan permintaan antarabangsa terhadap pertumbuhan ekonomi, mengkaji kesan limpahan pelancongan pendidikan ke atas produktiviti universiti, membina model permintaan pelancongan pendidikan dan menganalisis kewujudan kesan dinamik. Data yang digunakan adalah dari sebelas negara penggerak utama dalam sektor pelancongan pendidikan dari tahun 2002 hingga 2017, sepuluh universiti awam di Malaysia dari tahun 2007 hingga 2016 dan empat puluh tujuh negara asal pelajar antarabangsa dari tahun 2008 hingga 2017. Dua kaedah analisis yang digunakan dalam kajian ini, panel statik dan panel dinamik. Hasil kajian membuktikan bahawa pelancongan pendidikan dan eksport barangan memberi kesan positif terhadap pertumbuhan ekonomi dan limpahan positif pelancongan pendidikan ke atas produktiviti universiti. Pelancongan pendidikan berupaya untuk meningkatkan

bilangan graduan, penjanaaan pendapatan, pengoptimuman perbelanjaan untuk menghasilkan graduan dan penghasilan graduan efisien untuk menjana pendapatan khususnya di universiti awam Malaysia. Seterusnya, permintaan pelancongan pendidikan lepas, pendapatan per kapita, harga pelancongan pendidikan, harga pelancongan pendidikan di negara pesaing, kualiti universiti yang terdiri daripada bilangan akreditasi program pengajian tinggi dan *ranking* universiti di peringkat dunia merupakan penentu utama permintaan pelancongan pendidikan bagi tempoh jangka pendek dan jangka panjang dan mengesahkan kewujudan kesan dinamik di Malaysia. Justeru, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan agensi yang berkaitan perlu mengambil peluang untuk memanfaatkan limpahan ekonomi daripada sektor pelancongan pendidikan dan perlu bekerjasama untuk mempromosikan pelancongan pendidikan bagi menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan tinggi serantau dan mencapai matlamat pembangunan ke arah sebuah negara maju.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Malaysia Terengganu in fulfilment of the requirements for the degree of Doctor of Philosophy

**THE IMPACT OF EDUCATIONAL TOURISM ON ECONOMIC GROWTH AND UNIVERSITY PRODUCTIVITY AS WELL AS ITS DETERMINANTS OF DEMAND**

**SITI HAJAR BINTI HUSSEIN**

**2020**

**Main Supervisor : Associate Professor Suhail Kusairi, Ph.D.**  
**Co-Supervisor : Fathilah Ismail, Ph.D.**  
**Faculty : Faculty Business, Economics and Social Development**

The diversity of tourism products and services is essential to strengthen the contribution of the tourism sector to economic growth and reduce the risk of long term unsustainability. Thus, the educational tourism sector has been identified as a new tourism sub-sector with a high potential to be developed and is expected to boost economic growth and university productivity. Nonetheless, empirical evidence is still unclear about the impact of educational tourism on economic growth and university productivity as well as its determinants of demand. This study aims to analyse the impact of educational tourism and international demand on economic growth, to examine the spillover effect of educational tourism on university productivity, to develop the educational tourism demand model and to analyse the existence of dynamic effects. The data used from eleven major driving countries in the educational tourism sector from 2002 to 2017, ten public universities in Malaysia from 2007 to 2016 and forty-seven countries of origin for international students from 2008 to 2017. Two methods of analysis were used in this study, the static panel and the dynamic panel. The results show that educational tourism and exports of goods have a positive impact on economic growth and positive spillover of educational tourism on university productivity. Educational tourism can increase the number of graduates, generate income, optimise the expenses to produce graduates and produce efficient graduates to generate income, especially in Malaysian public universities. Furthermore, past

educational tourism demand, income per capita, educational tourism price, educational tourism price in competitor's country, the quality of university which consists of the number of accredited higher education programs and world university rankings are the main determinants of educational tourism demand for short term and long term and confirm the existence of dynamic effects in Malaysia. Therefore, the Ministry of Tourism, Arts and Culture Malaysia, the Ministry of Higher Education Malaysia and related agencies should take the opportunity to capitalise the economy's spillover from the educational tourism sector and needs to work together to promote educational tourism to make Malaysia as a regional higher education hub and to achieve development goals towards a developed country.